

Newspaper	Utusan Melayu
Date	16/08/2017B

Jawapan tidak memuaskan punca kecoh

KUALA LUMPUR 15 Ogos - Pas mendakwa jawapan tidak memuaskan hati yang diberikan Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung peristiwa Memali menjadi punca berlakunya kekecohan di dalam program *Nothing To Hide 2.0*, kelmarin.

Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, Pas merupakan antara mangsa peristiwa berdarah itu apabila mengorbankan salah seorang pemimpinnya iaitu Ibrahim Mahmud atau lebih dikenali sebagai Ibrahim Libya.

"Semua pihak menuding jari menyalahkan pihak lain dengan melupai punca asas teretusnya kekecohan apabila jawapan yang tidak memuaskan hati terhadap peristiwa Memali. Terima kasih diucapkan kepada mereka yang meminta penjelasan berkenaan peristiwa Memali.

"Kepada yang tidak mampu menjawab sepatutnya tidak marah dan orang lain tidak membuat kekecohan. Anak-anak muda sahaja tidak sepatutnya

dipersalahkan, sepatutnya juga dipersalahkan yang menjadi penyebabnya," kata beliau dalam kenyataan hari ini.

Abdul Hadi menambah, berikutan kejadian di Memali itu, para ulama Pas mengisytiharkan syahid kepada mangsa yang dibunuh dengan zalim demi mempertahankan Islam.

Selain itu, katanya, Pas turut mengamalkan pendekatan berdakwah berkaitan peristiwa tersebut dengan tidak mudah-mudahnya menjatuhkan hukum kafir kepada pihak-pihak lain.

Namun, tegas beliau, malangnya ada pihak yang berang dengan pendekatan yang diambil oleh Pas itu.

"Ketika itu Ustaz Ibrahim dan rakan-rakan dipersalahkan, bukan pula dipersalahkan orang yang selalu menghina



ABDUL HADI AWANG

Islam dan hukumnya yang sangat dimarahi oleh Ustaz Ibrahim dan rakan-rakan. Akhirnya Pas berjaya membendunginya secara ilmu dan mereka yang paling kuat mengkafirkan UMNO pula akhirnya ramai yang masuk UMNO atau diam sahaja.

"Ramai kakitangan kerajaan, polis dan UMNO tidak bersetuju dengan pendekatan yang dilakukan sehingga mengorbankan polis yang dipaksa dan Ustaz Ibrahim dan rakan-rakannya yang diserang. Kita mengharapkan yang dipaksa juga mendapat syahid, inilah hukum Islam," katanya.

Beliau juga berharap agar pihak-pihak terbabit yang bersa dirinya bersalah dalam peristiwa tersebut supaya segera bertaubat dan memohon maaf serta memperbetulkan semula keadaan.